

# Undang-undang berkaitan dengan penderaan seksual kanak-kanak

## 1.1 Pengenalan

Penderaan seksual kanak-kanak adalah satu jenayah. Sesiapa yang melakukan jenayah ini boleh didakwa dan, jika didapati bersalah, boleh dihukum penjara dan/atau dirotan dan/atau didenda. Pendakwaan akan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya demi memastikan kepentingan awam dapat dipelihara. Tertuduh akan diwakili oleh peguamnya. Mangsa adalah pengadu dan dikehendaki memberi bukti dalam mahkamah sebagai saksi. Untuk meringankan dan mengurangkan trauma yang dihadapi oleh mangsa, mangsa perlu diberikan taklimat mengenai proses undang-undang dan menerima atau diberikan sokongan kaunseling sebelum dan semasa perbicaraan dijalankan. Mangsa boleh mendapatkan khidmat seorang peguam untuk bertindak bagi pihak mangsa semasa perbicaraan untuk melindungi kepentingannya (melalui peguam pemerhati semasa perbicaraan). Ini boleh dilakukan dengan meminta pertolongan daripada Jabatan Pusat Bantuan Guaman, Pusat Bantuan Guaman dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di mana mereka ini menyediakan perkhidmatan yang demikian.

## 1.2 Perbuatan Jenayah

Tujuan undang-undang jenayah adalah untuk menghukum dan memulihkan pendera supaya mereka tidak mengulangi lagi perbuatan jenayah itu lagi. Walaupun mangsa mungkin tidak akan mendapat pampasan kewangan daripada proses pendakwaan, namun ianya mungkin dapat menghentikan penderaan selanjutnya terhadap mangsa dan menghalang pelaku daripada mendera kanak-kanak yang lain. Selepas hukuman dijatuhkan, mangsa boleh meminta wang pampasan di atas apa yang berlaku dan dideritai.

Selain itu, mangsa (melalui orang dewasa) boleh memulakan saman sivil terhadap pendera. Mangsa boleh membuat tuntutan di atas kos yang ditanggung (contohnya: rawatan di hospital, penempatan

alternative, perjalanan, dll), susah payah/kesukaran yang dihadapi dan penderitaan yang ditanggung. Pihak sekolah atau institusi juga harus tahu bahawa mereka juga berkemungkinan disaman untuk gantirugi sekiranya terbukti cuai dalam langkah keselamatan dan menyebabkan penderaan seksual kanak-kanak berlaku di sekolah atau institusi.

Di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, Pegawai Pelindung Kanak-kanak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, boleh memindahkan seorang kanak-kanak yang didera atau yang dalam keadaan yang membahayakan dengan menempatkan kanak-kanak itu di bawah penjagaan lain-lain ahli keluarga, keluarga angkat atau rumah kebajikan. Pelaku boleh didakwa dengan kesalahan yang diperuntukkan dalam Akta tersebut.

Bergantung kepada fakta atau bukti, sekiranya seseorang yang melakukan penderaan seksual ke atas kanak-kanak, dia boleh didakwa di bawah mana-mana satu atau lebih melalui kesalahan jenayah yang seperti berikut:

## 1.3 Kanun Keseksaan - Kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak

### 1.3.1 Offences under the Penal Code

Seksyen	Kesalahan	Hukuman
354	Mencabul kehormatan: Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas seseorang dengan niat untuk mencabul kehormatannya.	Penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu.
355	Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas seseorang dengan niat untuk menjatuhkan kehormatannya kecuali didesak dengan bangkitan-marah yang serius.	Penjara maksimum 2 tahun atau denda atau kedua-duanya.

372	Memperdagangkan seseorang untuk pelacuran.	Penjara maksimum 15 tahun, sebat dan boleh juga didenda.
375 (a, g) & 376	Rogol adalah perhubungan seksual dengan seorang perempuan yang bukan isterinya dan tanpa kerelaanya. <b>Rogol bawah umur</b> adalah perhubungan seksual dengan seorang perempuan berumur bawah 16 tahun dengan atau tanpa kerelaanya.	Penjara maksimum 20 tahun dan sebat.
375B	Rogol berkumpulan.	Penjara minimum 10 tahun, maksimum 30 tahun.
376 (2) (d,e)	Rogol bawah umur tanpa kerelaannya (bawah umur 16 tahun) dan perhubungan seksual dengan perempuan bawah umur 12 tahun dengan dan tanpa kebenarannya boleh dikenakan hukuman berat.	Penjara minimum 10 tahun, maksimum 30 tahun dan sebatan.
376 (4)	Menyebabkan kematian seorang perempuan semasa melakukan atau mencuba untuk melakukan rogol.	Dihukum mati atau penjara minimum 15 tahun penjara, maksimum 30 tahun dan minimum 10 sebatan.
376A & 376B	Sumbang mahram adalah hubungan seksual dengan orang yang dilarang dikahwini samada dibawah undang-undang, agama, atau adat.	Penjara minimum 10 tahun, maksimum 30 tahun dan sebat.

<b>377A &amp; 377B</b>	Persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii. Melakukan hubungan seksual dengan memasukkan zakar ke dalam dubur (liwat) atau mulut seseorang lain.	Penjara maksimum 20 tahun dan sebat.
<b>377C</b>	Melakukan persetubuhan bertentangan tabii tanpa kerelaan.	Penjara minimum 5 tahun, maksimum 20 tahun dan sebat.
<b>377CA</b>	Hubungan seks menggunakan objek, dsb.	Penjara minimum 5 tahun, maksimum 30 tahun dan sebat.
<b>377D</b>	Melakukan atau bersuhabat, mendapatkan atau cuba mendapatkan supaya seseorang melakukan perbuatan kelucahan melampau di tempat awam atau persendirian.	Penjara maksimum 2 tahun.
<b>377E</b>	Merangsang kanak-kanak (bawah 14 tahun) untuk melakukan kelucahan terlampau dengannya atau orang lain.	Penjara minimum 3 tahun, maksimum 15 tahun dan sebat.
<b>509</b>	Perkataan atau isyarat dengan niat mengaibkan kehormatan seseorang.	Penjara maksimum 5 tahun atau denda atau kedua-duanya.

### 1.3.2 Percubaan

Di bawah seksyen 511, sesiapa yang membuat percubaan atau semasa percubaan itu telah melakukan kesalahan itu, akan dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan di mana hukuman penjara akan dikenakan tidak melebihi separuh masa hukuman maksima seperti yang diperuntukkan dengan kesalahan itu.

## 1.4 Akta Kanak-Kanak 2001 Dan Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016

Akta Kanak-Kanak 2001 telah mula berkuatkuasa pada tahun 2001 dan ia menyatukan undang-undang yang berhubung dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Akta ini bertujuan untuk menjaga kepentingan kanak-kanak yang menghadapi pelbagai risiko. Akta ini menggantikan Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991, yang kini telah dimansuhkan.

Akta ini memperuntukkan supaya Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak ditubuhkan di seluruh negara untuk menyelaraskan perkhidmatan kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan atau yang mungkin memerlukan perlindungan. Setiap pasukan terdiri daripada seorang pegawai perubatan dan seorang pegawai kanan polis, kedua-duanya di ketuai seorang "Pelindung" (seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik khas).

Akta ini juga merangkumi penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Kanak-Kanak di mana Majistret, yang dibantu oleh 2 orang penasihat, di mana salah seorang daripada penasihat tersebut mestilah seorang wanita, akan mendengar kes-kes yang membabitkan kanak-kanak. Dalam membuat keputusan untuk menentukan jenis perintah yang perlu dibuat berkenaan dengan kanak-kanak terbabit, Mahkamah haruslah memberi penekanan utama kepada kepentingan kanak-kanak tersebut.

Pada 2016, Akta ini telah dipinda untuk memperbaiki perlindungan terhadap kanak-kanak menerusi penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak (menggantikan Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-Kanak) dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak tempatan. Tambahan pula, mahkamah kini boleh mengenakan perintah khidmat komuniti untuk pemulihan terhadap pelaku, dan juga penalti telah dinaikkan di bawah Akta ini.

Pada 2017, suatu Daftar Kanak-Kanak (DKK) telah ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti untuk membantu majikan menyemak latar belakang bakal pekerja. Pangkalan data ini diperbaiki dan senarai pesalah di dalam DKK adalah sulit dan hanya boleh didapati atas permintaan kepada Ketua Pengarah di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

#### 1.4.1 Definisi kanak-kanak (Seksyen 2)

Di bawah Akta ini, “kanak-kanak” ertinya seseorang yang di bawah umur 18 tahun, kecuali dalam prosiding jenayah, di mana ia merujuk kepada seseorang yang di bawah umur 10 tahun, atau seseorang di antara umur 10 hingga 12 tahun yang tidak memahami sifat dan kesan perbuatan yang dilakukannya.

#### 1.4.2 Sekatan ke atas laporan dan penyiaran Media (Seksyen 15)

- a. Apa-apa laporan di media massa mengenai:
  - i. sebarang langkah yang diambil ke atas kanak-kanak yang terlibat atau berupa sebagai terlibat dalam perbuatan jenayah;
  - ii. kanak-kanak yang memerlukan dan yang telahpun diberikan pemeliharaan dan perlindungan;
  - iii. kanak-kanak yang tidak terkawal yang ditahan; atau
  - iv. mana-mana mangsa kanak-kanak atau mangsa kanak-kanak yang disyaki;
  - v. apa-apa prosiding yang membabitkan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan, tidak boleh mendedahkan nama, alamat atau institusi pendidikan, atau memasukkan apa-apa butir yang membolehkan dikenalpasti kanak-kanak itu.
- b. Gambar kanak-kanak atau gambar orang, tempat atau benda lain yang mungkin membolehkan kanak-kanak itu dikenalpasti, tidak boleh disiarkan dalam apa-apa akhbar atau majalah atau disampaikan melalui apa-apa perantara elektronik.
- c. Sesiapa yang melanggar peruntukan ini boleh didenda sehingga RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

### 1.4.3 Penderaan Seksual (Seksyen 17)

Seorang kanak-kanak dikatakan didera secara seksual jika kanak-kanak itu mengambil bahagian atau menjadi pemerhati dalam aktiviti yang berunsur seksual seperti bahan-bahan yang berunsur pornografi, lucah atau tidak sopan, rakaman filem atau perbuatan, atau diperdagangkan untuk memenuhi kepuasan seksual orang lain.

### 1.4.4 Kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan (Seksyen 17)

Seorang kanak-kanak dikatakan memerlukan penjagaan dan perlindungan sekiranya:

- a. kanak-kanak itu telah atau berkemungkinan dcederakan secara fizikal atau emosi, atau didera secara seksual oleh ibubapa atau penjaga atau ahli keluarganya;
- b. kanak-kanak itu telah atau berkemungkinan dcederakan secara fizikal atau emosi, atau didera secara seksual dan ibubapa atau penjaga atau ahli keluarganya tahu tentang kecederaan itu, tidak atau mungkin tidak melindungi kanak-kanak itu daripada kecederaan itu;
- c. kanak-kanak telah atau mungkin menjadi mangsa kepada jenayah di bawah Jadual Pertama Akta ini (termasuk culik, rogol, sumbang mahram, liwat atau menyebabkan cedera) yang telah atau disyaki dilakukan oleh ibubapa atau penjaganya, tidak atau mungkin tidak melindungi kanak-kanak itu daripada kesalahan tersebut; atau
- d. kanak-kanak itu tinggal serumah sebagai mangsa atau pelaku di (c) di atas dan mungkin dimangsakan dan ibubapa atau penjaganya telah atau mungkin melakukan kesalahan tersebut atau mungkin tidak melindunginya.

### 1.4.5 Penjagaan sementara (Seksyen 18)

Mana-mana Pelindung atau Pembantu Pelindung atau pegawai polis yang berpuas hati atas alasan-alasan yang munasabah bahawa seorang kanak-kanak memerlukan perlindungan atau pemulihan boleh demi kepentingan kanak-kanak itu memindahkannya dari rumahnya dan meletakkan kanak-kanak itu di bawah penjagaan sementara.

#### **1.4.6 Pengemukaan di hadapan Mahkamah bagi Kanak-Kanak (Seksyen 19)**

Setiap kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan sementara oleh Pelindung atau Pembantu Pelindung atau pegawai polis hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam masa 24 jam dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya kanak-kanak itu dipindahkan ke suatu tempat perlindungan sementara atau di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai.

#### **1.4.7 Pemeriksaan atau rawatan perubatan (Seksyen 20, 21, 22)**

Mana-mana Pelindung atau Pembantu Pelindung atau pegawai polis yang berpendapat bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, boleh membawa kanak-kanak itu terus ke hospital atau menyuruh penjaga kanak-kanak itu untuk membawanya mendapatkan pemeriksaan atau rawatan. Pelindung atau pegawai polis boleh membenarkan kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital, dibedah atau diberi rawatan mental yang diperlukan sekiranya terdapat risiko kepada kesihatan kanak-kanak itu.

#### **1.4.8 Kewajipan Pegawai Perubatan, anggota Keluarga dan Pengasuh Kanak-Kanak (Seksyen 27, 28, 29)**

a. Jika:

- i. seseorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar memeriksa dan merawat; atau
- ii. jika ahli keluarga kanak-kanak itu; atau
- iii. pengasuh kanak-kanak

mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu telah dcederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau terdedah, atau teraniaya dari segi seks, mereka hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pegawai Kebajikan Masyarakat.

- b. Mana-mana pegawai perubatan, pengamal perubatan berdaftar atau penjaga kanak-kanak yang gagal mematuhi peruntukan ini boleh didenda maksimum RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh maksimum 2 tahun atau kedua-duanya sekali.



- c. Mana-mana anggota keluarga yang gagal mematuhi peruntukan ini dan apabila disabitkan boleh didenda maksimum RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh maksimum 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### **1.4.9 Kewajipan untuk memaklumkan tentang kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan (Seksyen 29A)**

Mana-mana orang selain orang yang disebut di seksyen 27, 28 dan 29, yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kanak-kanak itu telah dcederakan dari segi fizikal dan emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau terdedah atau didera secara seksual, boleh memberi maklumat kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat.

#### **1.4.10 Kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (Seksyen 30)**

Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya adalah seorang kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan, Mahkamah boleh:

- a. memerintahkan supaya ibubapa atau penjaga menyempurnakan bon untuk menjalankan penjagaan sepatutnya;
- b. meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan seorang yang layak dan sesuai;
- c. bagi kanak-kanak yang tiada ibubapa atau penjaga, diletakkan di bawah penjagaan dan pengawasan keluarga angkat yang sepatutnya;
- d. memerintahkan kanak-kanak itu diletakkan di rumah perlindungan.

#### **1.4.11 Penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak (Seksyen 31)**

Mana-mana orang yang menjaga kanak-kanak dan:

- a. Menganiaya, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak yang dipelihara atau bertindak secara cuai dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi ke atas kanak-kanak itu; atau

- b. Menganiaya kanak-kanak secara seksual atau menyebabkan/ membenarkannya dianiayai sedemikian boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, dan mungkin diperintahkan untuk menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik selama tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah dan melaksanakan khidmat masyarakat.

#### **1.4.12 Kesalahan kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan (Seksyen 33)**

Mana-mana orang yang merupakan ibubapa atau penjaga kanak-kanak itu yang membiarkannya tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan, boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya. Sebagai tambahan, mungkin diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat.

#### **1.4.13 Kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan (Seksyen 38)**

Seseorang kanak-kanak dianggap memerlukan perlindungan dan pemulihan jika kanak-kanak itu sedang didorong untuk melakukan apa-apa perbuatan seksual atau berada dalam apa-apa suasana fizikal atau sosial yang boleh membawa kepada pelakuan perbuatan itu.

#### **1.4.14 Memindahkan kanak-kanak ke tempat perlindungan (Seksyen 39)**

Mana-mana Pelindung atau Pembantu Pelindung atau pegawai polis berpuas hati atas alasan-alasan yang munasabah bahawa seorang kanak-kanak memerlukan perlindungan dan pemulihan boleh memerintahkan supaya kanak-kanak itu dipindahkan ke suatu tempat perlindungan.

#### **1.4.15 Kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera (Seksyen 41)**

- a. Seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera boleh memohon kepada Pelindung untuk diletakkan di tempat perlindungan. Pelindung mesti berpuas hati bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai, antara lain, bahawa kanak-kanak itu sedang diancam atau ditakut-takutkan bagi apa-apa maksud lucah (termasuk pelacuran atau persetubuhan);

atau jika kanak-kanak itu seorang perempuan, bahawa dia sedang hamil anak luar nikah.

- b. Seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera boleh juga memohon kepada orang yang menjaga mana-mana tempat perlindungan, yang boleh menerima kanak-kanak itu masuk ke tempat perlindungan tersebut.

#### **1.4.16 Kesalahan lain (Seksyen 43)**

Mana-mana orang yang membeli, menjual, menyewa atau memperdagangkan seorang kanak-kanak bagi tujuan pelacuran atau tidak bermoral boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum 15 tahun atau keduanya.

## **1.5 Akta Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (SOAC)**

Akta ini telah mula dikuatkuasa pada Julai 2017 dan diperuntukkan untuk sesetengah kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang tidak diperuntukkan secara menyeluruh di bawah Kanun Keseksaan atau Akta Kanak-Kanak. Contohnya, penggunaan media sosial untuk mengantun (*grooming*) dan mencari mangsa kanak-kanak dan melakukan jenayah seksual terhadap mereka. Di kalangan kes-kes seperti di atas, yang paling menonjol adalah kes pedofilia British, Richard Huckle yang menyamar sebagai guru sukarela di Malaysia selama 9 tahun. Terbukti beliau telah mengantun dan menyerang secara seksual lebih kurang 191 orang kanak-kanak termasuk kanak-kanak dari Malaysia dan telah berkongsi imej-imej kanak-kanak yang didera secara seksual di laman web gelap (*dark web*).

Antara kesalahan-kesalahan baru yang diperuntukkan di bawah Akta ini adalah berkaitan pornografi, pengantunan kanak-kanak (*child grooming*), amang seksual fizikal atau bukan fizikal (*physical and non-physical sexual assault*) terhadap kanak-kanak, dan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan ini telah bertambah.

### **1.5.1 Kesalahan berkaitan pornografi kanak-kanak (Seksyen 4-10)**

- a. Seksyen 4-10 melarang pembuatan, penghasilan dan penontonan pornografi kanak-kanak. Pengertian pornografi kanak-kanak merangkumi semua bentuk visual, audio atau bertulis. Mana-mana orang yang membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan atau melibatkan diri dalam pornografi kanak-kanak dikatakan melakukan kesalahan tersebut. Jika disabitkan akan dihukum penjara maksimum 30 tahun dan minimum 6 sebatan.
- b. Walaupun seseorang itu membuat persediaan untuk menghasilkan pornografi kanak-kanak, dia juga boleh dihukum.
- c. Seksyen 8 melarang bertukar-tukar, menerbitkan, mencetak, menjual, memancar, dsb, pornografi kanak-kanak dan seksyen 9 melarang penjualan, pengurusan, pengedaran dan pengiklanan pornografi kanak-kanak.
- d. Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang yang mengakses atau mempunyai pornografi kanak-kanak di dalam simpanannya.

### **1.5.2 Kesalahan berkaitan pengantunan kanak-kanak (child grooming) (Seksyen 11-13)**

- a. Seksyen 11 melarang apa sahaja bentuk komunikasi secara seksual dengan kanak-kanak. Sekiranya didapati bersalah, boleh dihukum penjara maksimum 3 tahun.
- b. Seksyen 12 melarang pengantunan kanak-kanak seperti menggunakan media sosial untuk menjalinkan hubungan cinta dengan kanak-kanak itu dan dengan niat untuk menggunakan kanak-kanak itu untuk tujuan pornografi kanak-kanak. Perbuatan tersebut adalah salah dan walaupun mereka tidak pernah berjumpa, ianya tetap menjadi kesalahan dan boleh dihukum penjara maksimum 5 tahun dan sebatan.
- c. Seksyen 13 memperuntukkan hukuman lebih berat jika ada perjumpaan selepas pengantunan kanak-kanak.

### **1.5.3 Larangan melakukan amang seksual (sexual assault) fizikal ke atas kanak-kanak (Seksyen 14)**

Seksyen 14 menerangkan maksud amang seksual ialah sentuhan secara seksual di mana-mana bahagian badan seorang kanak-kanak atau menyuruh kanak-kanak itu menyentuh diri sendiri atau orang lain untuk tujuan seksual. Sekiranya didapati bersalah, pelaku boleh dikenakan penjara maksimum 20 tahun dan sebatan.

### **1.5.4 Larangan melakukan amang seksual bukan fizikal ke atas kanak-kanak (Seksyen 15)**

Seksyen 15 menerangkan tentang amang seksual bukan fizikal ke atas seorang kanak-kanak yang merangkumi pelbagai perbuatan untuk tujuan seksual. Perbuatan contohnya seperti pelaku menunjukkan badannya kepada kanak-kanak itu, membuatkan kanak-kanak itu menunjukkan badannya supaya dilihat oleh pelaku atau mana-mana orang lain, berulang kali mengikuti atau menghubungi kanak-kanak itu, mengugut untuk menggunakan apa-apa gambaran mengenai badan kanak-kanak itu, menyebabkan kanak-kanak itu melihat mana-mana orang dalam aktiviti bersifat seksual atau menyebabkan kanak-kanak itu melakukan aktiviti yang bersifat seksual. Sekiranya didapati bersalah, pelaku boleh dikenakan penjara maksimum 10 tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya

### **1.5.5 Hukuman tambahan jika pelaku mempunyai hubungan amanah dengan kanak-kanak (Seksyen 16)**

- a. Seksyen 16(1) memperuntukkan hukuman yang lebih berat jika pelaku yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini mempunyai hubungan amanah dengan kanak-kanak itu. Pelaku hendaklah sebagai tambahan kepada hukuman yang dikenakan, dihukum penjara maksimum 5 tahun dan maksimum 2 sebatan.

- b. Seksyen 16(2) menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai hubungan amanah dengan kanak-kanak apabila kanak-kanak itu berada di bawah pemeliharaan, pengawasan atau kuasanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada: ibubapa, penjaga atau saudara, pengasuh, guru, pensyarah atau warden suatu tadika, sekolah, institusi pengajian tinggi awam atau institute pengajian tinggi swasta, penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan, jurulatih dan penjawat awam.

#### **1.5.6 Kegagalan memberi maklumat (Seksyen 19)**

Seksyen 19 memperuntukkan hukuman kepada mana-mana orang yang tidak memberikan maklumat mengenai pelakuan atau niat mana-mana orang lain untuk melakukan kesalahan di bawah Akta ini. Mana-mana orang yang mempunyai maklumat sedemikian, mestilah melaporkannya di balai polis berdekatan. Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda maksimum RM5,000.

#### **1.5.7 Sebat, Kaunseling Pemulihan, Pengawasan Polis (Seksyen 25, 26, 27)**

- a. Seksyen 25 memperuntukkan bahawa jika seseorang disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini adalah lelaki dan berumur lebih daripada 50 tahun, orang itu masih boleh dihukum sebat.
- b. Seksyen 26 memperuntukkan bahawa mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dikenakan, memerintahkan suatu tempoh kaunseling pemulihan terhadap orang yang disabitkan atas kesalahan itu dalam tempoh penahanannya.
- c. Seksyen 27 memperuntukkan, apabila seseorang disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah hendaklah mengarahkan supaya dia diletakkan di bawah pengawasan polis bagi suatu tempoh minimum 1 tahun, maksimum 3 tahun sebaik selepas habis tempoh hukuman dijatuhkan terhadapnya.